# MENZAHIRKAN NILAI MURNI

**LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

Laporan Tahunan 2014

# PENCAPAIAN OPERASI 2014

**AHLI**

14,192,832

AHLI AKTIF

6,659,036

MAJIKAN MENCARUM KEPADA KWSP

530,166

**PENGELUARAN**

PERMOHONAN PENGELUARAN

1,614,470

Jumlah Pengeluaran

RM33.78 BILION

CARUMAN TAHUNAN

RM57.17 BILION

**e-PERKHIDMATAN**

76.02% transaksi ahli dilakukan secara online

i-AKAUN

| Ahli | Majikan | Penggunaan i-Akaun | Akses ke myEPF |
|---|---|---|---|
| 1,224,107 | 307,186 | 7,275,364 | 12,659,814 |

e-Caruman

Pengguna e-Caruman telah meningkat daripada 200 pada Januari 2013 kepada 243,269 setakat Disember 2014

e-Pengeluaran

1,199 permohonan telah diluluskan

APLIKASI MUDAH ALIH

174,083 muat turun di Google Play Store dan

46,600 muat turun di Apple App Store




# PENCAPAIAN PELABURAN 2014

## ASET PELABURAN KWSP

RM636.53 BILION

7.91%

dari RM589.87 bilion pada 2013

## PENDAPATAN PELABURAN KASAR KWSP

RM39.08 BILION

11.66%

berbanding RM35.00 bilion pada 2013

## PENDAPATAN PELABURAN KASAR KWSP MENGIKUT KELAS ASET

EKUITI

RM22.91 BILION

| PINJAMAN & BON | SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA & BON SAMA TARAF |
|---|---|
| RM7.57 BILION | RM6.59 BILION |
| **HARTANAH & INFRASTRUKTUR** | **INSTRUMEN PASARAN WANG** |
| RM1.39 BILION | RM619.65 JUTA |

## KADAR DIVIDEN

6.75%

berjumlah RM36.66 bilion di mana RM5.43 bilion diperlukan untuk membayar setiap satu peratus kadar dividen bagi 2014




## RASIONAL KULIT

Warga kerja organisasi ini amat komited kepada mandat yang telah diberi dari segi melindungi dan meningkatkan simpanan persaraan lebih 14 juta ahli KWSP sejak sekian lama kerana mandat ini seiring dengan aspirasi pembangunan negara. Dalam menjalankan tanggungjawab seharian kami, amalan menzahirkan nilai-nilai murni menjadi tunjang hala tuju keseluruhan serta budaya kerja kami. Dengan berkat amalan dan komitmen jitu terhadap prinsip mengutamakan integriti, prestasi, dan pulangan, nilai-nilai murni adalah intipati komitmen kami untuk melakukan yang terbaik untuk ahli dan organisasi secara keseluruhan.




**"Menghubungkan Setiap Insan Dengan Masa Depan"**

Kesemua bakat yang menghiasi segmen ini adalah anggota KWSP. Sidang Editorial ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu menjayakan penerbitan Laporan Tahunan 2014 ini.

SIRIM Quality Award for ORGANIZATION 2014

# DALAM LAPORAN TAHUNAN INI

## 01 ORGANISASI

**2** Fakta Sekilas Pandang 2014
**3** Ringkasan Korporat
**4** 67 Cawangan Di Seluruh Malaysia
**6** Visi, Misi, Nilai-Nilai Korporat, Lagu KWSP
**7** Menzahirkan Nilai Murni *(Living Our Values)*
**8** Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP
**10** Perutusan Pengerusi



## 02 TADBIR URUS KORPORAT

**15** Ahli Lembaga
**24** Ahli Silih Ganti Lembaga - Wakil Kerajaan
**26** Ahli Panel Pelaburan
**30** Ahli Lembaga / Ahli Panel Pelaburan / Ahli Silih Ganti Yang Tamat Perkhidmatan
**30** Ahli Lembaga / Ahli Panel Pelaburan / Ahli Silih Ganti Yang Baru Dilantik
**31** Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan
**32** Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah 2012-2014

## 03 STRUKTUR KORPORAT

**34** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

**38** Struktur Organisasi

**39** Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

**40** Pengurusan Kanan

## 04 ULASAN PERNIAGAAN MENGIKUT BAHAGIAN

**45** Bahagian Pelaburan

**59** Bahagian Operasi

**65** Bahagian Strategi

## 05 PERSPEKTIF 2014

**72** Diari Korporat

**74** Sorotan Kewangan Lima Tahun

**76** Tanggungjawab Korporat

## 06 AKAUNTABILITI

**78** Pernyataan Tadbir Urus Korporat

**84** Pengurusan Risiko

**90** Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

**93** Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga

**97** Pernyataan Audit Dalam

**99** Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan

## 07 LAPORAN KEWANGAN

**100** Struktur Korporat Kumpulan

**102** Tinjauan dan Analisis Kewangan

**104** Penyata Kewangan

**230** Glosari

### LAMPIRAN

**i. Statistik Ahli:-**

- Kadar Dividen
- Kadar Caruman
- Pengeluaran Mengikut Skim
- Profil Ahli Aktif Mengikut Lingkungan Umur dan Jantina setakat 31 Disember 2014
- Profil Ahli Aktif Lingkungan Simpanan dan Jantina setakat 31 Disember 2014
- Purata Simpanan Ahli Aktif Berumur 54 Tahun Mengikut Jantina
- Purata Simpanan Ahli yang Berumur 54 Tahun

**ii. Statistik Pelaburan:-**

- Hartanah KWSP Di Malaysia
- Senarai 30 Pegangan Ekuiti Tertinggi Berdasarkan Peratus Daripada Terbitan Saham setakat 31 Disember 2014


## CIRI-CIRI BAHARU DI DALAM LAPORAN TAHUNAN INI:-

Kami memberi ruang kepada pengulangan agar pembacaan anda tidak terlalu kerap diganggu, namun kami juga telah menyediakan rujukan silang. Ikon ini memberitahu di mana anda boleh mencari maklumat yang berkaitan di dalam laporan kami.

Ikon ini akan membantu anda mengesan dengan pantas bidang di mana pencapaian kami adalah memuaskan.

Laporan ini boleh didapati di laman web www.kwsp.gov.my.

i-nova

Apakah i-nova? i-nova merupakan suatu ciri dalam Aplikasi Mudah Alih KWSP *(The EPF Mobile App)*. Ia menggabungkan teknologi pengecaman imej dan Realiti Diaugmentasi *(Augmented Reality - AR)* bagi menyampaikan mesej yang melangkaui bahan cetakan. Lakukan i-nova pada halaman ini untuk mengetahui bagaimana anda dapat memanfaatkan sebaiknya teknologi hebat ini.

Enam cara mudah untuk melihat lebih banyak maklumat daripada Laporan Tahunan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2014.

1. Lakukan carian i-Nova App daripada Apple App Store atau Google Play Store menggunakan telefon pintar anda.
2. Klik pada aplikasi (app) tersebut dan muat turun. (Periksa peranti anda untuk memastikan kesesuaian sebelum memuat turun).
3. Sebaik sahaja selesai muat turun, klik dan buka untuk melancarkan *Augmented Reality (AR) App*.
4. Klik pada butang "*start*" daripada *i-Nova App* untuk melancarkan kamera AR.
5. Cari "*AR Icon*" di dalam buku dan lakukan imbasan menggunakan kamera AR untuk membolehkan anda mendapatkan kandungan interaktif AR.
6. Anda boleh klik pada butang interaktif untuk mencari kandungan tambahan.

# Fakta Sekilas Pandang 2014

01

**14,192,832**

AHLI, DAN **6,659,036**

**MERUPAKAN AHLI AKTIF YANG MASIH MENCARUM**

02

**530,166**

MAJIKAN

mencarum kepada KWSP

03

**RM 57.17** BILION

caruman tahunan diterima daripada pekerja dan majikan

04

**RM 33.78** BILION

jumlah pengeluaran dibayar

05

**RM 636.53** BILION

jumlah aset pelaburan, meningkat 7.91% daripada RM589.87 bilion pada 2013

06

**RM 39.08** BILION

jumlah pendapatan kasar, meningkat 11.65% daripada RM35.00 bilion pada 2013

07

**6.75%**

KADAR DIVIDEN

dan RM36.66 bilion bayaran dividen

08

Kos Bagi Purata Aset yang Diuruskan =

**RM0.268**

bagi setiap RM100.00 aset yang diuruskan

09

Kos Pelaburan Bagi Purata Aset yang Diuruskan = **RM0.091** bagi setiap RM100.00 aset yang diuruskan

# Ringkasan Korporat

**Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan pemegang amanah simpanan persaraan bagi pekerja swasta dan tidak berpencen di negara ini. KWSP menguruskan skim simpanan mandatori di mana pekerja dan majikan mencarum peratusan yang telah ditetapkan daripada gaji bulanan pekerja ke dalam akaun pekerja (ahli).**

**Ditubuhkan pada 1951, KWSP adalah salah satu daripada tabung simpanan persaraan tertua dan antara yang terbesar di dunia, dengan aset pelaburan berjumlah RM636.53 bilion pada penghujung 2014. Jumlah ahlinya semakin meningkat setiap tahun dan kini KWSP mempunyai seramai 14,192,832 ahli, dimana 6,659,036 adalah ahli aktif (ahli yang mencarum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 12 bulan).**

Dalam usaha menjalankan peranan keselamatan sosialnya, KWSP memastikan 530,166 majikan berdaftar dengan KWSP setakat 31 Disember 2014 menunaikan tanggungjawab mencarum untuk simpanan persaraan pekerja mereka.

KWSP diberikan mandat bukan sahaja untuk melindungi tetapi untuk meningkatkan aset ahli dengan memberikan pulangan yang setimpal. Berpandukan polisi pelaburan yang ketat, KWSP mensasarkan untuk memberikan sekurang-kurangnya dua peratus pulangan benar untuk tempoh purata tiga tahun kepada ahli. Pada awal penubuhannya, KWSP dapat memenuhi matlamat ini dengan melaburkan sebahagian besar daripada asetnya ke dalam portfolio yang selamat, tetapi menguntungkan seperti bon dan sekuriti Kerajaan, serta menyeimbangkannya dengan pelaburan ekuiti, instrumen pasaran wang dan hartanah.

Dengan peningkatan aset yang pesat, adalah penting bagi KWSP untuk terus mempelbagaikan portfolio pelaburan untuk menguruskan risiko dengan berkesan. KWSP telah mula meneroka peluang pelaburan di luar negara di pasaran maju dan baru muncul melalui pengurus dana dalaman dan luaran memandangkan asetnya melebihi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pasaran domestik. Terbaru, KWSP perlu meneroka aset pelaburan lain seperti hartanah dan infrastrukur, yang terbukti sebagai mekanisme lindung nilai inflasi yang berkesan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai tabung persaraan, KWSP turut melaksanakan kempen komunikasi dan pendidikan kepada ahli untuk memenuhi keperluan persaraan mereka. Kempen ini dibuat dipelbagai platform seperti media cetak dan elektronik dengan menekankan kepentingan membuat perancangan persaraan bagi memastikan mereka mempunyai jaminan asas kewangan yang mencukupi untuk persaraan.

KWSP juga telah melancarkan projek perintis Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di dua buah cawangan KWSP di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, yang memberikan khidmat nasihat percuma dan panduan kepada ahli agar mempunyai pandangan menyeluruh berkaitan keperluan persaraan mereka. KWSP turut menggalakkan majikan untuk menguatkuasakan konsep menyimpan di kalangan pekerja mereka di samping menasihatkan para pembuat dasar untuk memberi tumpuan yang lebih mendalam terhadap pendidikan kewangan di negara, dengan penekanan akan perlunya sumber pendapatan persaraan lain selain daripada simpanan KWSP.

Selain menjaga kepentingan dan memenuhi keperluan persaraan ahli, KWSP komited untuk memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan telah mengguna pakai teknologi terkini untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pelanggannya. KWSP meletakkan tanda aras prestasinya berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan didorong oleh visinya untuk 'menjadi organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan yang terbaik bagi rakyat Malaysia. Untuk itu, KWSP sentiasa mempelopori inovasi bagi memenuhi keperluan semasa dan masa depan ahlinya.

KWSP telah mengalami perubahan sejak hari pertama ia ditubuhkan. Daripada sebuah organisasi yang berfokuskan transaksi, ia telah menjadi sebuah organisasi pengurusan dana profesional dengan tumpuan yang lebih berkaitan jaminan persaraan. Kebajikan ahli sentiasa diutamakan, KWSP komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik disokong oleh operasi dan prestasi yang terus 'Menzahirkan Nilai Murni'.

**LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**
Bangunan KWSP,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

# 67 Cawangan
## Di Seluruh Malaysia




**KEDAH & PERLIS**
Alor Setar
Sungai Petani
Langkawi
Kulim
Kangar

**KELANTAN**
Kota Bharu
Tanah Merah
Kuala Krai

**TERENGGANU**
Kuala Terengganu
Kemaman
Dungun
Besut

**PULAU PINANG**
Seberang Jaya
Georgetown
Bayan Baru
Nibong Tebal

**PERAK**
Ipoh
Taiping
Sri Manjung
Teluk Intan
Kuala Kangsar
Grik

**PAHANG**
Kuantan
Temerloh
Raub
Jerantut
Pekan

**JOHOR**
Johor Bahru
Muar
Batu Pahat
Kluang
Segamat
Mersing

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
Kuala Lumpur
Wangsa Maju
Pudu
Kepong
Cheras

**SELANGOR**
Shah Alam
Petaling Jaya
Kajang
Klang
Puchong
Gombak
Rawang
Kuala Selangor

**NEGERI SEMBILAN**
Seremban
Bahau

**MELAKA**
Bandar Melaka
Alor Gajah
Jasin



SABAH
Kota Kinabalu
Tawau
Keningau
Sandakan
Lahad Datu
Kota Marudu
Beaufort
Kudat
WILAYAH PERSEKUTUAN
Labuan
Sabah
Sarawak
SARAWAK
Kuching
Sibu
Bintulu
Miri
Sri Aman
Sarikei
Limbang

# Rangkaian Cawangan KWSP (Samb.)

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| **IBU PEJABAT** | | Bangunan KWSP<br>Jalan Raja Laut<br>50350 Kuala Lumpur | Tel : 03-2694 6566/<br>2694 7566/<br>03-2694 8566/2694 9566<br>Faks : 03-2694 8433 |
| **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR** | KUALA LUMPUR | Ketua Cawangan:<br>Mohammad Zulkifly Zainal Abidin<br>Tingkat Bawah<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Raja Laut<br>50350 Kuala Lumpur | Tel : 03-2694 6566/<br>2694 7566/<br>03-2694 8566/2694 9566<br>Faks : 03-2698 8213 |
| | PUDU | Ketua Cawangan:<br>Fakhrul Farris Harun<br>Tingkat Bawah, Mezzanine<br>& Satu<br>Bangunan KWSP<br>No. 3, Changkat Raja Chulan<br>Off Jalan Raja Chulan<br>50200 Kuala Lumpur | Tel : 03-2078 6788<br>Faks : 03-2026 4570 |
| | KEPONG | Ketua Cawangan:<br>Abdul Razak Razali<br>No. 34 & 36, Jln Metro<br>Perdana 8<br>Taman Usahawan Kepong<br>Kepong Utara<br>51200 Kuala Lumpur | Tel : 03-6258 9521<br>Faks : 03-6252 5417 |
| | WANGSA MAJU | Ketua Cawangan:<br>Azmi Mohd Nasir<br>Lot 32A, Dataran Wangsa<br>Wangsa Melawati<br>53300 Kuala Lumpur | Tel : 03-41499499<br>Faks : 03-41435488 |
| | CHERAS | Ketua Cawangan:<br>Muhammad Mahdi Abdul<br>Samad<br>Unit 68-1-5<br>Dataran Shamelin<br>No. 68 Jalan 4/91<br>Taman Shamelin Perkasa<br>56100 Kuala Lumpur | Tel : 03-9200 3304<br>Faks : 03-9287 4112 |
| **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** | LABUAN | Ketua Cawangan:<br>Peter Tanggang @ Awang<br>Damit<br>Tingkat Bawah, Lot E004<br>Financial Park Labuan<br>Jalan Merdeka<br>87000 Labuan | Tel : 087-424 963/424 964<br>087-424 811<br>Faks: 087-424 816 |
| **SELANGOR** | PETALING JAYA | Ketua Cawangan:<br>Mohd Yusoff Wan Nawang<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Gasing<br>46598 Petaling Jaya<br>Selangor | Tel : 03-8922 6000<br>Faks : 03-8922 6222 |
| | SHAH ALAM | Ketua Cawangan:<br>Ahmad Abas<br>Tingkat 1, 2, 3 & 4<br>Menara Pertubuhan Peladang<br>N Selangor (PPNS)<br>Pusat Dagangan UMNO Shah<br>Alam<br>Lot 8, Persiaran Damai<br>40000 Shah Alam<br>Selangor | Tel : 03-5519 2155<br>Faks: 03-5512 2927<br>(Seksyen Perkhidmatan/<br>Caruman)<br>03-5519 4993<br>(Seksyen<br>Penguatkuasaan) |

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| **SELANGOR** | KAJANG | Ketua Cawangan:<br>Mohd Taib Ismail<br>Tingkat Bawah, M, 1, 2, & 3<br>No. 1, Jalan Hentian 3<br>Pusat Hentian Kajang<br>Jalan Reko<br>43000 Kajang<br>Selangor | Tel : 03-8737 5223/37/42<br>Faks : 03-8737 0261/8739 4691 |
| | KLANG | Ketua Cawangan:<br>Parameswaran a/l<br>V V Subramaniam<br>Unit B-G-1, GF & 1F<br>North Tower (Tower B), BBT<br>One<br>Lebuh Batu Nilam 1<br>Bandar Bukit Tinggi<br>41200 Klang | Tel : 03-3325 1625<br>Faks: 03-3325 1615<br>(Seksyen Perkhidmatan/<br>Caruman)<br>03-33251614<br>(Seksyen<br>Penguatkuasaan) |
| | PUCHONG | Ketua Cawangan:<br>Mohd Nohan Salim<br>No. 19 & 21, Jalan Bandar 18<br>Pusat Bandar Puchong<br>47160 Puchong, Selangor | Tel : 03-80754747<br>Faks : 03-80757125<br>(Seksyen Perkhidmatan/<br>Caruman)<br>03-80769649<br>(Seksyen<br>Penguatkuasaan) |
| | GOMBAK | Ketua Cawangan:<br>Nor Azhar Abdul Mokti<br>Tingkat Bawah & Mezzanine<br>No. 2 & 4<br>Jalan Medan Batu Caves 1<br>68100 Batu Caves<br>Selangor | Tel : 03-6185 0780/6185 7040<br>Faks : 03-6185 0785 |
| | KUALA SELANGOR | Ketua Cawangan:<br>Abdul Shukor Samad<br>Lot G.01, Tingkat Bawah<br>Kompleks PKNS<br>Jalan Perusahaan Satu<br>Taman IKS<br>45000 Kuala Selangor<br>Selangor | Tel : 03-32897880<br>(Seksyen Perkhidmatan)<br>03-32896504<br>(Seksyen<br>Penguatkuasaan)<br>Faks: 03-32898257 |
| | RAWANG | Ketua Cawangan:<br>Azmi Ismail<br>No. 3S-10-G (Tingkat Bawah)<br>No. 3S-10-1 (Tingkat Atas)<br>Jalan Pintas Rawang<br>Rawang One<br>48000 Rawang, Selangor | Tel : 03-60910286,<br>03-60917021<br>Faks : 03-60920054 |
| **MELAKA** | BANDAR MELAKA | Ketua Cawangan:Muhammad<br>Shuhaili Mohd Shafie<br>Bangunan KWSP<br>Jalan MITC, Hang Tuah Jaya<br>75450 Ayer Keroh<br>Melaka | Tel : 06-285 3200<br>Faks: 06-232 4560<br>(Seksyen Perkhidmatan)<br>06-232 4585<br>(Seksyen<br>Penguatkuasaan) |
| | ALOR GAJAH | Ketua Cawangan:<br>Nor Farrahedayu Abdu Rahim<br>AG 8670, Lot 10<br>Kompleks Perniagaan Alor<br>Gajah<br>Jalan Besar<br>78000 Alor Gajah<br>Melaka | Tel : 06-556 5919<br>Faks : 06-556 5915 |

# Rangkaian Cawangan KWSP (Samb.)

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| **MELAKA** | JASIN | Ketua Cawangan:<br>Mohd Rashidi Khalil<br>JC 538, Jalan Bestari 5<br>Bandar Jasin Bestari Seksyen 2<br>77200 Jasin, Melaka | Tel : 06-5216080<br>Faks : 06-5216090 |
| **JOHOR** | JOHOR BAHRU | Ketua Cawangan:<br>Zulkifli Saad<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Dato' Dalam<br>80000 Johor Bahru<br>Johor | Tel : 07-222 5234/222 6234<br>07-222 7234<br>Faks : 07-222 8234 |
| | KLUANG | Ketua Cawangan:<br>Maheran Othman<br>No.8 & 10<br>Tingkat Bawah<br>1 & 2, Jalan Haji Manan<br>86000 Kluang<br>Johor | Tel : 07-771 3857/771 3493<br>07-772 4276/772 4277<br>Faks: 07-772 0801 |
| | BATU PAHAT | Ketua Cawangan:<br>Mohd Ahyan Shukimee<br>No. 38-1, Wisma Sucha Singh<br>Jalan Rahmat<br>83000 Batu Pahat<br>Johor | Tel : 07-432 5436/432 2828<br>Faks : 07-434 1170 |
| | SEGAMAT | Ketua Cawangan:<br>Melati Mohamed<br>No 5 & 6, Jalan Genuang Perdana<br>Taman Genuang Perdana<br>85000 Segamat, Johor | Tel : 07-9437166/07-9437167<br>Faks : 07-9437615 |
| | MUAR | Ketua Cawangan:<br>Mohd Dali Jasmin<br>Tingkat Bawah, 1, 2 & 3<br>No. 9, Jalan Petrie<br>84000 Muar<br>Johor | Tel : 06-953 9288<br>Faks : 06-953 8341 |
| | MERSING | Ketua Cawangan:<br>Muhd Fauzi Sabri<br>Lot No. 2, Bandar Tepian Sungai<br>Jalan Jemaluang<br>86800 Mersing<br>Johor | Tel : 07-798 2633<br>Faks : 07-798 2644 |
| **PERAK** | IPOH | Ketua Cawangan:<br>Mohd Rodzi Abu Bakar<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Greentown<br>30450 Ipoh<br>Perak | Tel : 05-2420 000<br>Faks : 05-2430 000 |
| | TAIPING | Ketua Cawangan:<br>Mohd Yasin Abu Bakar<br>Tingkat Bawah, Mezzanine & 1<br>Lot 820 - 822, Jalan Boo Bee<br>34000 Taiping<br>Perak | Tel : 05-808 5889/806 1724<br>05-806 1722<br>Faks : 05-806 6817 |

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| **PERAK** | KUALA KANGSAR | Ketua Cawangan:<br>Ahmad Shamsul Chik<br>No. 8B, Tingkat Bawah<br>Jalan Raja Chulan<br>33000 Kuala Kangsar<br>Perak | Tel : 05-776 7484/776 7485<br>Faks : 05-776 2139 |
| | TELUK INTAN | Ketua Cawangan:<br>Daud Herman<br>No. 1 - 3 G, Jalan Intan 2<br>Bandar Baru Teluk Intan<br>36000 Teluk Intan<br>Perak | Tel : 05-621 5600/<br>622 5600/622 3600<br>Faks : 05-621 0500 |
| | SRI MANJUNG | Ketua Cawangan:<br>Mohd Amin Mat Isa<br>No.2262 - 2264<br>Taman Samudera<br>32040 Sri Manjung<br>Perak | Tel : 05-688 3800 /<br>688 6953 / 688 6964<br>Faks : 05-688 3133 |
| | GRIK | Ketua Cawangan:<br>Sharul Nizam Hamdan<br>No. 7, Tingkat Bawah<br>Jalan Tun Bija Diraja<br>33000 Grik<br>Perak | Tel : 05-791 3852<br>Faks : 05-791 3853 |
| **PULAU PINANG** | SEBERANG JAYA | Ketua Cawangan:<br>Ab Razak Yusof<br>Tingkat Bawah, 2, 3, 4 & 5<br>Bangunan KWSP<br>No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2<br>Bandar Seberang Jaya<br>13700 Seberang Jaya<br>Pulau Pinang | Tel : 04-399 2000<br>Faks : 04-399 9945 |
| | GEORGETOWN | Ketua Cawangan:<br>Aminuddin Abdul Aziz<br>Menara KWSP<br>No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah<br>10050 Georgetown<br>Pulau Pinang | Tel : 04-226 1000<br>Faks : 04-226 8900 |
| | NIBONG TEBAL | Ketua Cawangan:<br>Khairil Johari Muhamad<br>No. 56, Tingkat Bawah<br>Jalan Besar, Taman Merbah<br>14300 Nibong Tebal<br>Pulau Pinang | Tel : 04-593 7622<br>Faks : 04-594 3262 |
| | BAYAN BARU | Ketua Cawangan:<br>Mohammad Zurich Ismail<br>Tingkat Bawah & 1<br>Blok F-2 , Lorong Bayan Indah 1<br>Bay Avenue,<br>11900 Bayan Lepas<br>Pulau Pinang | Tel : 04-644 2841/2304<br>Faks : 04-643 0455 |

# Rangkaian Cawangan KWSP (Samb.)

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| KEDAH | ALOR SETAR | Ketua Cawangan:<br>R. Anbananthan a/l Rajandren<br>Tingkat Bawah, Mezzanine, 8 & 9<br>Bangunan KWSP-Peladang<br>No 33, Jalan Sultan Badlishah<br>05000 Alor Setar<br>Kedah | Tel : 04-733 2506/ 733 2507<br>04-733 5278<br>Faks : 04-731 1395 |
| | LANGKAWI | Ketua Cawangan:<br>Suhaili Yahaya<br>Lot 260, Langkawi Mall<br>07000 Kuah<br>Langkawi<br>Kedah | Tel : 04-967 1405<br>Faks : 04-966 3453 |
| | SUNGAI PETANI | Ketua Cawangan:<br>Rubaine Hashim<br>Tingkat Bawah, 1 & 4<br>Bangunan Wisma Keladi<br>Jalan Bank<br>08000 Sungai Petani<br>Kedah | Tel : 04-422 5800/422 6800<br>Faks : 04-422 4200 |
| | KANGAR | Ketua Cawangan:<br>Rosli Abdullah<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Bukit Lagi<br>01000 Kangar<br>Perlis | Tel : 04-976 1190<br>Faks : 04-976 7996 |
| | KULIM | Ketua Cawangan:<br>Mohammad Khairri Ibrahim<br>No. 33 & 34, Persiaran 7<br>Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech Park<br>09000 Kulim, Kedah | Tel : 04-4034606<br>Faks : 04-4034603 |
| KELANTAN | KOTA BHARU | Ketua Cawangan:Mohammad Bakri Muhammad<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Padang Garong<br>15000 Kota Bharu<br>Kelantan | Tel : 09-744 5191/744 1350<br>Faks: 09-744 8806 |
| | KUALA KRAI | Ketua Cawangan:<br>Wan Hairani @ Maznah Wan Hamat<br>No. 96 Jalan Chin Hwa<br>18000 Kuala Krai<br>Kelantan | Tel : 09-966 6788/<br>966 4731/966 4733<br>Faks : 09-966 5010 |
| | TANAH MERAH | Ketua Cawangan:They Iyu Ju<br>Lot 655, Jalan Hospital,<br>17500 Tanah Merah, Kelantan | Tel : 09-9554200/09-9554201<br>Faks : 09-9553400 |
| TERENGGANU | KUALA TERENGGANU | Ketua Cawangan:<br>Rahmat Ali<br>Bangunan KWSP<br>Jalan Kemajuan<br>Padang Hiliran<br>21100 Kuala Terengganu<br>Terengganu | Tel : 09-622 9431 / 622 5866<br>Faks : 09-622 8606 |
| | KEMAMAN | Ketua Cawangan:<br>A Rahman Mustaffar<br>PT 10720 & 10721, Taman Cukai Utama<br>Fasa 4<br>Jalan Kubang Kurus<br>24000 Kemaman<br>Terengganu | Tel : 09-859 2132<br>Faks : 09-859 8435 |

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| TERENGGANU | BESUT | Ketua Cawangan:<br>Hishamuddin Hassan<br>Lot P.T 367, Tingkat Bawah<br>Wisma DPMMT<br>Jalan Pasir Akar, Pekan Jerteh<br>22000 Besut<br>Terengganu | Tel : 09-690 3778/<br>09-6904778<br>Faks: 09-690 3198 |
| | DUNGUN | Ketua Cawangan:<br>Norisfarizan Ismail<br>Lot No 84321, Tingkat Bawah<br>Wisma MDD<br>Jalan Yahya Ahmad<br>23000 Dungun<br>Terengganu | Tel : 09-844 3269<br>Faks : 09-844 3269 |
| PAHANG | KUANTAN | Ketua Cawangan:<br>Jeffary Mohamed Isa<br>Bangunan KWSP<br>Bandar Indera Mahkota<br>Persiaran KWSP<br>25200 Kuantan<br>Pahang | Tel : 09-573 9666/573 3294<br>09-573 4750<br>Faks : 09-573 9870 |
| | RAUB | Ketua Cawangan:<br>Mohd Anuar Ismail<br>KWSP Cawangan Raub<br>No. 79, Jalan Tun Razak<br>27600 Raub<br>Pahang | Tel : 09-355 1188/355 0762<br>09-355 0760<br>Faks : 09-355 7715 |
| | TEMERLOH | Ketua Cawangan:<br>Mohamed Zubir Alias<br>No. 1 Jalan Sudirman Utama<br>28000 Temerloh<br>Pahang | Tel : 09-296 2948/296 4658<br>09-296 2946<br>Faks : 09-296 4143 |
| | JERANTUT | Ketua Cawangan:<br>Shamsiah Jaafar<br>Tingkat Bawah, No. 7<br>Jalan Inderapura<br>27000 Jerantut<br>Pahang | Tel : 09-266 7105<br>Faks : 09-267 1354 |
| | PEKAN | Ketua Cawangan:<br>Md Radzi Haji Manab<br>No 10-B Tingkat Bawah<br>Lorong Peramu Permai 1<br>Taman Peramu Permai<br>26600 Pekan | Tel : 09-4264404<br>Faks : 09-4264405 |
| NEGERI SEMBILAN | SEREMBAN | Ketua Cawangan:<br>Mohamed Kusni Mohamed Yusoff<br>Bangunan KWSP Seremban<br>No. 1, Jalan Dato' A.S. Dawood<br>70100 Seremban<br>Negeri Sembilan | Tel : 06-766 3500<br>Faks : 06-761 9863 |
| | BAHAU | Ketua Cawangan:<br>Mazlan Muhammad<br>No. 4, 5 & 6<br>Pusat Perniagaan Kiara<br>72100 Bahau<br>Negeri Sembilan | Tel : 06-454 2846<br>Faks : 06-454 6349 |

# Rangkaian Cawangan KWSP (Samb.)

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| SARAWAK | KUCHING | Ketua Cawangan:<br>Julpadya Sooma<br>Bangunan KWSP<br>Beg Berkunci 2089<br>Jalan Uplands<br>93598 Kuching<br>Sarawak | Tel : 082-240 331/<br>240 332/240 333/<br>237 863<br>Faks: 082-427 899 |
| | SIBU | Ketua Cawangan:<br>Usin Bin Ibin @ Husin Bin Ibin<br>Lot 25 - 27<br>Lorong Kampung Datu 5<br>Jalan Kampung Datu<br>Peti Surat 1797<br>96008 Sibu<br>Sarawak | Tel : 084-310 611/310 612<br>Faks : 084-327 444 |
| | MIRI | Ketua Cawangan:<br>Teresa AK Stephen Impang<br>Lot 1255, Blok 10<br>MCLD Centre Point, Jalan<br>Melayu<br>98000 Miri<br>Sarawak | Tel : 085-418 418<br>Faks : 085-420 086 |
| | BINTULU | Ketua Cawangan:<br>Unyang Deng @ Unyang Ding<br>Lah<br>Lot 3078, No. 6 & Lot 3079,<br>No. 7<br>Jalan Court<br>97000 Bintulu<br>Sarawak | Tel : 086-312 909/312 908<br>Faks : 086-312 910 |
| | LIMBANG | Ketua Cawangan: Hana<br>Natasya Abdul Aziz<br>Lot 1565, Tingkat Bawah<br>Jalan Buangsiol<br>98700 Limbang<br>Sarawak | Tel : 085-213 051<br>Faks : 085-213 051 |
| | SARIKEI | Ketua Cawangan:<br>Aria Dau Lawai<br>No. 16, Tingkat Bawah<br>Lorong 1, Jalan Tun Razak<br>96100 Sarikei<br>Sarawak | Tel : 084-655 499<br>Faks : 084-656 455 |
| | SRI AMAN | Ketua Cawangan:<br>Sepo @ Sepori Raffae<br>Lot 654 ,Blok 3<br>Tingkat Bawah<br>Jalan Hospital<br>95000 Sri Aman<br>Sarawak | Tel : 083-327 357<br>083-321039<br>Faks : 083-325 188 |

| NEGERI | CAWANGAN | LOKASI | TELEFON & FAKS |
|---|---|---|---|
| SABAH | KOTA KINABALU | Ketua Cawangan:<br>Izzriyana Kamalia Abdullah<br>Blok A, Bangunan KWSP<br>Beg Berkunci 2019<br>88598 Kota Kinabalu<br>Sabah | Tel : 088-520 100<br>Faks: 088-234492 |
| | KENINGAU | Ketua Cawangan:<br>Shahrani Haji Ibrahim<br>No. 18 & 19 , Keningau<br>Commercial Centre<br>Off Jalan Masak, Beg<br>Berkunci 20<br>89009 Keningau<br>Sabah | Tel : 087-337 820/337 821<br>087-337 822<br>Faks : 087-337 825 |
| | KUDAT | Ketua Cawangan:Luzy Majit<br>Tingkat Bawah<br>Lot 1 Blok G Jalan Mawar<br>Pekan Tomborungus<br>89058 Kudat<br>Sabah | Tel : 088-622 819<br>Faks : 088-622 823 |
| | KOTA MARUDU | Ketua Cawangan:<br>Mahmun Sayadi<br>Tingkat Bawah, 1 & 2<br>Lot No. 2, Taman WTK Fasa II<br>Jalan Tandek<br>89108 Kota Marudu<br>Sabah | Tel : 088-662 842/<br>088-662 843<br>Faks : 088-662 845 |
| | LAHAD DATU | Ketua Cawangan:<br>Bernand Linggan<br>MDLD 3330, Lot 65<br>Fajar Centre, Jalan Segama<br>Peti Surat 61828<br>91126 Lahad Datu<br>Sabah | Tel : 089-880 801/880802/<br>880803<br>Faks : 089-880808 |
| | TAWAU | Ketua Cawangan:<br>Mauming B Singkung<br>Tingkat Bawah & 1<br>Bangunan KWSP, TB308<br>Blok 35<br>Kompleks Fajar Jalan<br>Lembaga<br>91000 Tawau<br>Sabah | Tel : 089-779 740/779596<br>089-776 452<br>Faks : 089-762 051 |
| | SANDAKAN | Ketua Cawangan:<br>Aziman Awang<br>Tingkat Bawah, 1 & 2<br>Lot 116, Bandar Pasaraya<br>Batu 4 Jalan Utara<br>90009 Sandakan<br>Sabah | Tel : 089-210636<br>Faks: 089-211 009 |
| | BEAUFORT | Ketua Cawangan:<br>Khuning Ponunggoh @ Leslie<br>Tingkat Bawah, Lot 1<br>Bangunan Tabung Haji<br>Jalan Kampung China<br>89807 Beaufort<br>Sabah | Tel : 087-225 985<br>Faks : 087-224 642 |

| | | |
|---|---|---|
| EPF LEARNING CENTRE | Persiaran KWSP, 43000<br>Kajang, Selangor<br>Malaysia | Tel : 03-89264100/<br>03-89210354<br>Faks: 03-89265100 |

# Visi, Misi, Nilai-Nilai Korporat, Lagu KWSP

## VISI

Menjadi organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan yang terbaik bagi rakyat Malaysia.

## MISI

Menyediakan Skim Simpanan Persaraan yang terbaik.

## NILAI-NILAI KORPORAT

- UTAMAKAN PELANGGAN
- PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN
- INTEGRITI
- SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

## LAGU KWSP (BERSATU, BERBAKTI)

KWSP

Kami komited
Kami sedia berbakti
Visi dan misi
Terus dihayati
Di mata dunia harapan kami

KWSP

Kami berikrar
Nilai murni dijaga
Telus dan integriti
Amalan bersama
Kualiti perkhidmatan
Tetap diutama

**Chorus:**

Kepada ahli
Kepada majikan
Janji kami
Anda diutamakan

Berkorban pasti
Ikhlas menabur bakti
Bersatu hati
Demimu KWSP

Yakin kami melangkah
Menuju wawasan yang cemerlang
Demi simpanan hari tua anda
Dan pembangunan negara
Demi KWSP yang kucinta

# Menzahirkan Nilai Murni *(Living Our Values)*

**KWSP telah menggariskan empat Nilai Korporat, antaranya Utamakan Pelanggan, berusaha untuk Penambahbaikan Berterusan dan meletakkan keutamaan dalam Integriti dan Semangat Kerja Berpasukan. Nilai-nilai ini mendefinisikan Siapa dan Apakah Pendirian KWSP, serta memainkan peranan penting untuk mencapai Visi dan Misi KWSP.**

## Apa yang dimaksudkan dengan Nilai-Nilai Korporat KWSP:



**UTAMAKAN PELANGGAN:**
KWSP memastikan ahli menerima pengalaman pelanggan yang positif, melalui pelbagai saluran perhubungan seperti kios, telefon, bersemuka, secara online, emel atau surat. KWSP berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang secara konsisten cepat, tepat dan selesa kepada ahli.



**PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN:**
Dalam usaha untuk bergerak seiring dengan perubahan pesat dalam persekitaran operasi, KWSP menggalakkan semua anggotanya agar sentiasa meningkatkan prestasi mereka. KWSP juga berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota serta menggunakan teknologi terkini untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.



**INTEGRITI:**
Untuk mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi oleh orang awam mengenai KWSP, adalah penting anggota KWSP melaksanakan tugas mereka dengan integriti dan betul. KWSP melaksanakan polisi toleransi sifar berkaitan pelanggaran integriti dan etika.



**SEMANGAT KERJA BERPASUKAN:**
Organisasi ini yakin dan secara aktif mengamalkan kerja berpasukan yang terbukti lebih produktif dan berkesan. Selain itu, kerja berpasukan juga membantu menangani masalah "budaya silo" (kerja bersendirian) serta mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan cergas.

Nilai-nilai ini disemai dan dilaksanakan menerusi program seperti Sukan KWSP, Sambutan Perayaan dan Hari Integriti. Nilai ini juga turut dimasukkan dalam program Inovasi dan latihan perkhidmatan pelanggan oleh anggota. Selain itu, anggota turut diingatkan mengenai nilai ini menerusi edaran emel berkala dan video korporat KWSP. Objektif ini adalah untuk menggalakkan anggota KWSP mengamalkan nilai korporat ini dalam kehidupan harian mereka selaras dengan slogan kami, *Living Our Values Everyday*.

Setiap tahun satu kajian akan dilaksanakan di kalangan anggota KWSP untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap penghayatan nilai korporat yang diamalkan di kalangan anggota dan oleh organisasi secara keseluruhan. Maklumat yang diperoleh akan digunakan sebagai panduan penyediaan pelan tindakan bagi tahun yang akan datang.

# MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP



1950-an



1960-an



1970-an

# 1951-2014



1980-an



1990-an




2000-an

## '51

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

## '52

- KWSP mempunyai 518,948 ahli dan 11,918 majikan berdaftar dalam rangkaiannya. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.

## '56

- KWSP melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

## '58

- Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

## '60

- Bangunan Ibu Pejabat KWSP di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

## '61

- Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.

## '63

- Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja sebelum ini.

## '67

- Pemprosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.

## '68

- Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

## '69

- Liputan KWSP diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

## '70

- Saiz aset KWSP meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan ahli hampir 2 juta orang.

## '75

- Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP mempunyai 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.

## '77

- Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk meningkatkan kadar caruman pekerja, membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP dan membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

## '80

- Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.

## '81

- KWSP menyambut ulangtahun ke-30, Menteri Kewangan, YBM Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan batu asas di bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

## '82

- Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

## '83

- KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.

**1950-an 1960-an 1970-an 1980-an**

## '90

- Untuk pertama kalinya, KWSP melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolionya.

## '91

- KWSP menyambut ulang tahun ke-40 dan menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) dengan Akta KWSP 1991, yang meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambahbaik skim-skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.

## '93

- Buat pertama kalinya KWSP telah terlibat dalam pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif penswastaan kerajaan.

## '95

- KWSP memperkenalkan Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KWSP dan organisasi-organisasi keselamatan sosial yang lain.

## '96

- KWSP melancarkan Skim Pelaburan Ahli, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.

## '97

- Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di Bangi, Selangor dimulakan.

## '99

- Jabatan Komputer KWSP memastikan sistem komputer KWSP patuh Y2K.

## '00

- KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

## '01

- Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.

## '03

- KWSP menubuhkan Pusat Pengurusan Panggilan Telefon (CMC) dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (one-stop centre) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

- Projek Rekayasa Semula Proses Perniagaan (BPR) atau dikenali sebagai SERVE (Service Excellence) untuk mereka bentuk dan memperkemaskan proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.

## '04

- KWSP memperkenalkan sistem pengurusan Balanced Scorecard (BSC) sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.

- e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.

# 1990-an 2000-an

## '07

- KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

## '08

- Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. KWSP juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.
- KWSP menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.
- KWSP dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi Sistem Pengurusan Kualiti.
- KWSP menerima Anugerah Ketua Setiausaha Negara dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri.
- KWSP membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan keselamatan sosial agensi-agensi berkaitan di kalangan negara ASEAN.

## '09

- KWSP perkenal Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.
- KWSP dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

## '10

- KWSP lancar Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan termasuk untuk suri rumah.
- KWSP memperkenalkan sistem elektronik-Pilihan Pelaburan Ahli (ePPA) yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam saham amanah.

## '11

- KWSP perluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55, dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuatkuasa 15 Julai 2011.

## '12

- KWSP buat kali kedua menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan Terbaik yang dianugerahkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
- Setakat 31 Disember 2012, aset pelaburan KWSP berada pada RM526,753.81 bilion, sementara keahlian meningkat kepada 13,585,007 juta dan jumlah majikan berdaftar mencecah 502,863.

## '13

- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara online yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web myEPF (www.kwsp.gov.my). Tiga perkhidmatan utama yang disediakan melalui e-Caruman iaitu membuat bayaran dengan Borang A, serahan Borang A sahaja dan membuat bayaran sahaja.
- e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara online menerusi i-Akaun. Buat permulaan ahli hanya boleh memohon untuk Pengeluaran Mengurang / Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan dan Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan.

# 2010-an

'14

# PENGIKTIRAFAN KEPADA DEDIKASI KAMI

**JANUARI 2014**

- KWSP menyemak semula simpanan kepada RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun.

**FEBRUARI 2014**

- KWSP Isytihar Dividen 6.35% untuk 2013.

**MAC-APRIL 2014**

- Berkuatkuasa 1 April 2014, majikan mempunyai lebih 50 pekerja wajib menghantar butiran caruman bulanan melalui saluran elektronik, terutamanya menggunakan kemudahan e-Caruman. Borang A bercetak tidak lagi dihantar kepada mereka.

- KWSP memperkenalkan aplikasi mudah alih pertamanya yang dikenali sebagai 'EPF i-Akaun'. Ahli kini boleh mengakses akaun simpanan KWSP mereka hanya di hujung jari sahaja.

**JULAI 2014**

- KWSP memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di cawangan utamanya di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

**SEPTEMBER 2014**

- KWSP menganjurkan seminar antarabangsa bertemakan *"Demographic Changes: Recognising the Challenges and Opportunities"*.

**OKTOBER – DISEMBER 2014**

- KWSP telah dianugerahkan penarafan lima bintang bagi kali ketiga untuk kecemerlangan penyampaian perkhidmatan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

- Aplikasi i-Akaun KWSP kini boleh dimuat turun dari Apple App Store.




**Anugerah Kualiti Sirim 2014**




**SGAM ICT Award dan Cyber Security Project Of The Year – Cyber Security Malaysia untuk projek Data Loss Prevention 2014**



KWSP telah dianugerahkan penarafan lima bintang bagi kali ketiga bagi kecemerlangan penyampaian perkhidmatan oleh

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan**

**Sijil Audit Bersih bagi pengauditan kewangan oleh Jabatan Audit Negara**

**Penyedia Penyelesaian Institusi Terbaik (Best Institutional Solutions Provider) oleh Islamic Finance News (IFN) Islamic Investor Poll 2014**

**KWSP menerima dua anugerah daripada Association of Customer Experience Industry of Malaysia (ACE) di Majlis 15th National Customer Experience Industry Award 2014:-**




**Best Contact Centre Government Ministries/ Agencies (Open) – Tempat Kedua**

**Social Media Programme Contact Centre (Open) – Tempat Kedua**

2014

# Perutusan Pengerusi

**TAN SRI SAMSUDIN OSMAN**
Pengerusi



**Sebagai sebuah kumpulan wang simpanan persaraan, fungsi utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah untuk melindungi dan meningkatkan simpanan ahlinya. Peranan utama ini menjadi semakin mencabar apabila dana KWSP terus meningkat dan persekitaran pelaburan menjadi semakin kompleks.**

# Perutusan Pengerusi (Samb.)

**DEMOGRAFI AHLI KWSP**

TELAH BERUBAH seiring dengan jumlah besar **PEKERJA GEN Y** yang menyertai tenaga kerja.

**PENARAFAN LIMA BINTANG BUAT KALI KETIGA BAGI KECEMERLANGAN DALAM PENYAMPAIAN PEKHIDMATAN**

oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia **(MAMPU)** bagi Tahun 2013-2014.

**SEBAGAI PEMEGANG AMANAH SIMPANAN AHLI**

kami amat sedar akan keperluan untuk memastikan operasi kami dibuat secara **TERBUKA DAN TELUS** dengan penzahiran yang bertepatan masa kepada pemegang berkepentingan yang berkaitan.

**Namun KWSP dapat terus memenuhi amanah yang dipertanggungkan ke atasnya. *Alhamdulillah* tahun 2014 tidak jauh berbeza dari tahun-tahun sebelumnya.**

Meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi global dan tempatan yang mencabar, KWSP sekali lagi berjaya menghasilkan pulangan pelaburan (ROI) yang amat memberangsangkan. Pada masa yang sama, kami turut memantapkan lagi kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan manakala menambah baik latihan dan pembangunan profesional anggota KWSP selaras dengan lima Teras Strategik kami yang dilancarkan pada tahun 2013.

Teras Strategik ini merangkumi Kecemerlangan Pelaburan, Kecemerlangan Operasi Berfokuskan Pelanggan, Kecemerlangan ICT, Kecemerlangan Modal Insan dan Kecemerlangan Keselamatan Sosial. Kelima-lima Teras Strategik ini adalah bertujuan untuk memacu KWSP ke arah menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia.

## MENGHARGAI SIMPANAN AHLI

Sepanjang tahun-tahun yang berlalu, KWSP telah mengkaji dan menyemak semula portfolio pelaburannya agar ia selaras dengan keperluan semasa serta perubahan dalam persekitaran makro. Dengan aset KWSP yang bertambah sehingga melepasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), KWSP perlu meneroka peluang pelaburan di peringkat antarabangsa. Situasi ini menyaksikan jumlah dana KWSP di luar negara mencatatkan perkembangan mantap kepada 23% daripada jumlah aset KWSP pada penghujung 2014.

Pada masa yang sama, KWSP terus mengimbangi portfolio asetnya disebabkan perubahan landskap kewangan. Daripada bergantung sebahagian besarnya kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Sama Taraf, KWSP telah memperluaskan pendedahannya dengan pelbagai pilihan pelaburan dan aset termasuk Ekuiti, Instrumen Pasaran Wang, Hartanah dan Infrastruktur.

Kepelbagaian portfolio KWSP berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) untuk memastikan pengimbangan berhemah antara risiko dan pulangan. Hasil berpandukan dari SAA itu, KWSP telah berjaya mengekalkan prestasi kewangan yang mantap dan pada 2014, telah mencapai pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 7.25%, yang menempatkan KWSP di kalangan kumpulan wang persaraan yang berprestasi tinggi di rantau ini. Lebih penting lagi untuk ahli KWSP, prestasi pelaburan ini telah membolehkan KWSP memenuhi komitmennya untuk memberikan dividen sebenar melebihi 2% untuk purata tiga tahun berturut-turut dan dividen nominal melebihi 2.5%. Sukacita dimaklumkan, pada tahun ini, kami dapat mengisytiharkan dividen sebanyak 6.75% kepada ahli KWSP yang seramai 14,192,832 orang.

## MENGHARGAI PELANGGAN KAMI

KWSP telah mengalami perubahan dalam pelbagai aspek sejak penubuhannya, dan saya berbangga dengan kejayaan KWSP mengintegrasikan teknologi baharu muncul ke dalam sistem, proses dan prosedurnya. Seiring dengan penggunaan sistem IT yang meningkat, KWSP telah berjaya meningkatkan kecekapan operasinya termasuk urusan bersama majikan dan ahli.

Majikan kini boleh membayar caruman secara atas talian melalui i-Akaun manakala ahli boleh menikmati pengeluaran pinjaman perumahan yang lebih pantas serta mudah. Kemudahan e-Pengeluaran merupakan projek perintis bersama RHB Bank pada 2013 dan menjelang akhir tahun 2014, ia telah diperluaskan kepada pelanggan Maybank. Pada akhirnya, kami berhasrat menjadikan perkhidmatan ini terbuka kepada semua ahli tidak kira bank mereka.

Bagi memenuhi Teras Strategik KWSP di dalam aspek Kecemerlangan Operasi Berfokuskan Pelanggan, KWSP sedar keperluan untuk memahami ahli dengan lebih mendalam dan juga ekspektasi mereka. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, demografi ahli KWSP telah berubah seiring dengan jumlah lebih besar pekerja Gen Y yang menyertai tenaga kerja. Ciri khas generasi ini adalah minat mereka dalam mengguna pakai teknologi maklumat (IT). Generasi ini bukan sahaja bijak menggunakan IT tetapi menjangka untuk melakukan transaksi mereka di mana sahaja melalui peranti mudah alih mereka. Untuk memenuhi citarasa golongan ini, kami perlu pastikan perkhidmatan atas talian kami dapat beroperasi melalui platform mudah alih juga.

# Perutusan Pengerusi (Samb.)

**Walaupun latihan penting untuk membina modal insan di dalam organisasi kami, warga kerja kami juga perlu mempunyai sikap pemilikan terhadap peranan dan tanggungjawab mereka serta bermotivasi untuk memberikan prestasi yang optimum.**

Perkembangan e-perkhidmatan (e-services) KWSP telah bermula dengan baik pada 2014 dengan pengenalan Aplikasi Mudah Alih KWSP yang membolehkan ahli, melalui Aplikasi i-Akaun, mengakses penyata serta maklumat KWSP di peranti pintar mereka. Walaupun kami telah menerima pakai teknologi atas talian dan teknologi mudah alih yang terbaharu, kami tidak melupakan ribuan lagi ahli kami yang lebih gemar mengunjungi cawangan KWSP atau berhubung dengan pegawai kami melalui telefon. KWSP turut membuat pelaburan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kecekapan di kalangan anggota barisan hadapan dan usaha kami ini diiktiraf dengan penganugerahan Penarafan Lima Bintang buat kali ketiga bagi kecemerlangan dalam penyampaian pekhidmatan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi tahun 2013-2014.

## MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA AHLI

Salah satu objektif utama KWSP yang telah memacu sebahagian besar polisi dan prosedurnya ialah untuk memastikan rakyat Malaysia mempunyai simpanan yang cukup agar dapat bertahan di sepanjang usia emas mereka. Pada masa ini, purata jangka hayat rakyat Malaysia ialah 75 tahun, manakala umur persaraan minimum ialah 60 tahun, setelah dinaikkan daripada 55 tahun pada 2013. Ini bermakna generasi pesara masa kini akan bergantung kepada simpanan KWSP mereka selama anggaran 15 hingga ke 20 tahun. Walau bagaimanapun, berdasarkan bukti yang diperolehi, purata simpanan ahli hanya dapat bertahan selama 5 tahun dan ini akan mewujudkan jurang antara 10 hingga ke 15 tahun tanpa sebarang dana peribadi.

KWSP memainkan peranan untuk menangani situasi ini dan mulai Januari 2014, Simpanan Asas telah dinaikkan kepada RM196,800 daripada RM120,000. Ini bermakna seseorang pesara mempunyai sekurang-kurangnya RM820 sebulan untuk tempoh 20 tahun. Bagaimanapun, ini hanyalah satu sasaran. Jumlah simpanan seseorang pesara bergantung kepada gajinya semasa bekerja. Jika gaji asas adalah rendah, tidak ramai pencarum akan mencapai sasaran ini. Pada masa ini, dianggarkan 68% pencarum KWSP berumur 54 tahun mempunyai kurang daripada RM50,000 dalam akaun mereka.

## MENGHARGAI INTEGRITI DAN TADBIR URUS KORPORAT

Peranan KWSP berhubung dengan amalan tadbir urus korporat terbahagi kepada dua. Pertama, sebagai pemegang amanah simpanan ahli, kami amat sedar akan keperluan untuk memastikan operasi kami dibuat secara terbuka dan telus dengan penzahiran yang bertepatan masa kepada pemegang berkepentingan yang berkaitan. Kami komited untuk mendukung tahap integriti yang tinggi dalam semua urusan dan sentiasa mengingatkan anggota KWSP mengenai tanggungjawab mereka dalam hal ini.

Kedua, sebagai pelabur institusi yang terbesar di dalam negara, kami memainkan peranan kepemimpinan dalam mempromosi tahap tadbir urus korporat yang tinggi bukan sahaja dalam syarikat di mana terdapat kepentingan KWSP tetapi juga dalam persekitaran pelaburan tempatan secara amnya. Kami mengikuti perkembangan terkini mengenai amalan terbaik tadbir urus korporat dan memastikan ia diguna pakai dalam operasinya, serta dapat dilihat dalam rangka kerja syarikat pelaburan KWSP.

Untuk memberi panduan kepada syarikat penerima pelaburan KWSP, KWSP telah menerbitkan sebuah buku Prinsip Tadbir Urus Korporat KWSP dan Garis Panduan Pengundian. Buku yang pertama kali diterbitkan pada 2010, telah dikemas kini pada tahun ini berikutan perubahan dalam rangka kerja kawal selia dan amalan pasaran yang memasukkan garis panduan baharu berkenaan aspek Pelaburan dalam *Environmental, Social and Governance (ESG).* KWSP juga menggalakkan syarikat yang berkaitan kerajaan yang menerima pelaburannya menyahut seruan Kerajaan untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30% wanita dalam Lembaga Pengarahnya.

KWSP mengambil tanggungjawab serius sebagai pemimpin tadbir urus korporat dan akan terus meningkatkan tahap amalannya di dalam negara memandangkan ia amat penting untuk menjana kekayaan dan kesejahteraan kewangan negara.

## MENGHARGAI ANGGOTA

Ke arah mencapai kecemerlangan operasi dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan, KWSP berusaha untuk meningkatkan latihan yang diberikan kepada anggotanya untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku di KWSP. Sepanjang tahun ini, kami telah melancarkan Hala Tuju Pembelajaran tiga tahun dengan tumpuan untuk memantapkan kemahiran profesional, teknikal dan insaniah. Tumpuan khusus diberikan kepada Pengurusan Kanan dengan melibatkan mereka dalam program berkaitan Pengurusan Strategik, Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Kecemerlangan Perniagaan Strategik.

Walaupun latihan penting untuk membina modal insan di dalam organisasi kami, warga kerja kami juga perlu mempunyai sikap pemilikan terhadap peranan dan tanggungjawab mereka serta bermotivasi untuk memberikan prestasi yang optimum. Sehubungan dengan ini, saya berasa amat bangga mengatakan bahawa anggota KWSP telah menyahut cabaran transformasi KWSP yang sedang berlaku, dan mereka telah memenuhi ekspektasi yang ditetapkan. Bekerja bersungguh-sungguh, sama ada secara individu atau berpasukan, merekalah yang Menzahirkan Nilai Murni KWSP dalam apa jua perkara yang dilakukan. Perkara ini dibuktikan dengan pelbagai anugerah diraih oleh KWSP sepanjang tahun ini.

# Perutusan Pengerusi (Samb.)

Selain daripada anugerah MAMPU untuk kecemerlangan perkhidmatan, KWSP turut terpilih sebagai Penyedia Penyelesaian Institusi Terbaik di majlis Anugerah Pelabur Islamik IFN 2014 di atas usaha menyediakan pelaburan yang mematuhi Syariah untuk khalayak yang lebih luas. KWSP turut memenangi Anugerah SGAM ICT dan Projek Keselamatan Siber Terbaik daripada Cyber Security Malaysia bagi projek *Data Loss Prevention 2014*. Akhir sekali, untuk mencerminkan standard yang tinggi dalam semua aspek sistem pengurusan kualiti, KWSP telah diberikan Anugerah Kualiti SIRIM 2014 oleh Pertubuhan Penyelidikan dan Pembangunan Piawaian Negara.

## TAHUN MENDATANG

Tahun 2015 akan terus memberikan cabaran dari pelbagai sudut. Dari aspek kewangan, pasukan pelaburan kami perlu mengendalikan jumlah aset yang lebih besar dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu sementara melindungi simpanan ahli KWSP. Dari segi perkhidmatan pelanggan, kami perlu memastikan kejayaan pelancaran lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi gaya hidup keperluan demografi ahli KWSP. Sementara itu, untuk menggalakkan persaraan yang lebih terjamin bagi rakyat Malaysia secara amnya, kami menetapkan matlamat untuk memastikan komunikasi semasa dapat diterjemahkan kepada tindakan konkrit yang dipimpin oleh pihak berkuasa berkaitan untuk mewujudkan suatu sistem keselamatan sosial yang holistik.

Walaupun berhadapan dengan kesukaran, dengan kepimpinan yang teguh dan berkebolehan yang telah memastikan organisasi ini tetap berada di landasan lima Teras Strategiknya, saya percaya KWSP memiliki apa yang diperlukan untuk mengekalkan tahap prestasi operasi dan kewangan yang tinggi di samping terus kekal relevan dengan ekosistem yang berkembang.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan di atas pelbagai sumbangan yang telah dihulurkan, tanpanya, KWSP mungkin tidak akan berada pada kedudukannya hari ini.

Kami amat menghargai sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan serta agensinya, khususnya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia kerana terus melibatkan kami dalam hal berkaitan kepentingan negara yang menyentuh isu-isu berkenaan keselamatan sosial serta kesejahteraan pesara. Saya yakin bahawa dengan adanya kerjasama dan kolaborasi yang berterusan kami dapat mencapai masa depan yang terjamin untuk rakyat.

Kami juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada pihak Pengurusan KWSP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Datuk Shahril Ridza Ridzuan di atas kepimpinan yang cukup berkemahiran dan strategik dalam mengemudi organisasi ini ke arah yang tepat di mana kami mensasarkan untuk mencapai standard global. Kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua anggota KWSP kerana usaha mereka untuk memastikan KWSP dapat memenuhi matlamat organisasi dan negara.

Sebagai Pengerusi, saya mengalu-alukan kehadiran semua ahli Lembaga dan Panel Pelaburan yang baru dilantik, sambil merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan di atas sumbangan mereka yang tidak ternilai sepanjang mereka memegang jawatan di KWSP. Ini termasuklah Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, yang menggantikan Dato' Seri Zainal Rahim Seman sebagai wakil Kerajaan dalam Lembaga; Dato' Haji Romli Haji Hassan, yang menggantikan Dato' Haji Mohd Sharif Hussin sebagai Ahli Silih Ganti dalam Lembaga; serta Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir yang menyertai Lembaga sebagai Ahli Silih Ganti dan menggantikan Dato' Siti Zauyah Mohd Desa dalam Panel Pelaburan.

Terima kasih kepada semua di atas segala usaha anda di mana tanpanya, KWSP tidak mungkin dapat meraih kejayaan seperti yang dimiliki hari ini. Ayuh kekalkan kegigihan kerja sambil Menzahirkan Nilai Murni KWSP.



**TAN SRI SAMSUDIN OSMAN**
Pengerusi